

21 NOV 2000

LID-GHANA

GHANA BELAJAR DARI MALAYSIA MENERUSI LID

Oleh: Arul Rajoo

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Ghana memperolehi kemerdekaan lima bulan lebih awal dari Malaysia tetapi negara Barat Afrika itu masih lagi tertanya-tanya mengapa mereka masih ketinggalan berbanding negara sejawatnya di rantau Asia ini.

"Kami mahu tahu mengapa? Kami mahu belajar beberapa perkara yang Malaysia sudi untuk mengajarnya," kata Dr M.N.B. Ayiku dari Ghana, pengarah Commonwealth Partnership for Technology Management Limited (CPTM).

Itulah sebabnya mengapa Ghana begitu berminat untuk menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) katanya, dan menyangkal tuduhan bahawa Malaysia menaungi negara-negara Afrika yang menyertai LID.

"Kami mahu belajar tetapi negara-negara maju enggan memberikan kerjasama walaupun kami telah bersama mereka sudah sejak sekian lama. Malaysia telah bergerak ke hadapan tetapi kami masih lagi ditakuk lama..kami mahu tahu mengapa ia berlaku," katanya di acara sampingan LID 2000, di sini, hari ini.

Ayiku, yang menghadiri LID sejak ia dimulakan lima tahun lalu berkata, negara-negara Afrika berterimakasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas usaha gigihnya untuk menunjukkan contoh bagaimana "kami (bangsa Afrika) harus menerajui negara kami sendiri,".

Dua hari lepas, Dr Ruth Labedo, anggota Forum Ekonomi Konsultif Kebangsaan Zimbabwe, berkata sesetengah negara Eropah merasa terancam oleh kesan daripada hasil LID dan menuduh Malaysia bertindak sebagai "penaung" kepada negara-negara Afrika.

"Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang penuh dengan wawasan dan inovasi. LID telah membuka mata kami kepada banyak perkara, kami hampir tidak percaya Malaysia mendapat kemerdekaan di tahun yang sama seperti kami. Bagaimana anda melakukannya?".

Selain itu, negara-negara Afrika juga kagum dengan cara Malaysia menangani krisis ekonomi tanpa campurtangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Ayiku berkata mereka (bangsa Afrika) berada di bawah pelbagai tekanan yang dikenakan oleh IMF dan Bank Dunia, sambil menambah mereka kagum dengan keupayaan Malaysia mengatasi krisis itu hanya dalam tempoh setahun dengan kawalan modalnya.

"Kami perlu mengambil masa 10 tahun. Menteri Kewangan anda (Tun Daim Zainuddin) berkata di sini, tahun lalu, bahawa IMF "jangan masuk campur"...tetapi kami tidak boleh berkata demikian, mengapa?" tambahnya.

"Itulah sebabnya mengapa kami lebih suka memilih untuk mengambil idea daripada anda (Malaysia)," katanya.

Ayiku berkata lima tahun lalu, negara-negara Afrika yang menyertai dialog ini tidak begitu jelas akan konsep Perkongsian Bestari dan malahan sesetengahnya beranggapan ia adalah satu cara untuk menaungi mereka.

Bagaimanapun, kemajuan yang dicapai sejak itu telah menunjukkan bahawa konsep Perkongsian Bestari adalah satu "situasi menang menang" bagi semua anggota.

Ayiku berkata negara-negara Afrika menyambut baik penubuhan perniagaan Malaysia di sana kerana kedua-dua negara meraih faedah daripadanya, sebagai contoh Telekom dan Berjaya Group telah membuat penerokaan di Ghana dalam sektor telekomunikasi dan pusat peranginan.

LID telah berjaya menjalinkan kerjasama di kalangan negara-negara Afrika, berbanding beberapa forum serantau di sana, kata Ayiku. -- BERNAMA

AR YBY ZK